

Pembangunan lembangan sungai punca banjir

JOHOR BAHRU: Penggunaan tanah termasuk untuk pertanian di kawasan lembangan sungai boleh mengakibatkan bencana banjir yang terjadi setiap tahun semakin buruk serta kerap pada masa depan.

Timbalan Pengarah Institut Pengurusan Alam Sekitar dan Sumber Air (Ipasa) Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Dr Maketab Mohamed, berkata pembangunan yang membantutkan proses penyerapan hujan ke dalam tanah akan mempercepatkan penggerakan air ke sungai hingga menyebabkan banjir.

“Tanah gondol juga akan menjadi punca hakisan tanah yang menyebabkan mendapan yang akhirnya akan dibawa ke alur air dan sungai terdekat.

“Mendapan pula akan menyebabkan sungai cetek dan turut menjadikan banjir semakin teruk dan kerap,” katanya dalam satu temu bual di sini, semalam.

Beliau bagaimanapun mengakui, bahawa hujan di Johor, Melaka, Pahang dan Negeri Sembilan baru-baru ini adalah lebih tinggi berbanding beberapa tahun lalu.

Beliau berkata, masalah pembangunan tanah di kawasan bandar juga boleh menyebabkan atau menambah kemudaratan banjir berikutan penutupan permukaan bumi di antaranya oleh jalan raya, rumah dan



BERJAGA-JAGA: Pelbagai barang termasuk mesin basuh diletakkan di atas kereta oleh seorang penduduk di Kampung Selancar, Pagoh.

tempat letak kenderaan.

Katanya, hujan tidak dapat menyerap ke dalam tanah dan terus menjadi air larian, yang terus ke alur air dan sungai berdekatan.

“Inilah yang menyebabkan banjir kilat. Ketika tengkujuh, ia bukan lagi menjadi banjir kilat tetapi banjir besar yang berterusan beberapa hari,” kata Maketab.

Katanya, masalah utama yang dihadapi di kawasan bandar dan ping-

“*Penggunaan tanah di lembangan sungai boleh menyebabkan banjir*”

Prof Dr Maketab Mohamed
Timbalan Pengarah Ipasa, UTM

gir bandar adalah adanya kawasan perumahan sama ada haram atau sebaliknya di tepi sungai, mengakitkannya berisiko tinggi dilanda banjir.

“Sememangnya kawasan rendah dan lembah atau dataran banjir di tepian sungai, wajib dikecualikan daripada sebarang pembangunan tetapi dalam kerakusan urbanisasi, setiap inci tanah akan dikira berharga,” katanya.